

05 DEC 1998

Mahathir-Penerbangan

KIKIS BUDAYA KERJA CINCAI, KATA DR MAHATHIR

LANGKAWI, 5 Dis (Bernama) -- Masyarakat perlu mengikis sikap membuat kerja sambil lewa jika mahu melihat kemajuan di negara ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Kita perlu membuat kerja secara berdisplin dan mengikut tertib dan bukan secara cincai," kata Perdana Menteri.

Semasa berucap merasmikan Karnival Udara Langkawi '98 di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di sini, beliau berkata rakyat mesti menyemai budaya kerja yang berkualiti seratus peratus.

Mereka boleh berjaya dalam apa jua bidang sekiranya mereka memupuk budaya kerja itu.

Katanya mereka perlu mengambil contoh budaya kerja dalam bidang penerbangan yang menekankan budaya kerja yang tinggi bagi aspek penyenggaraan dan pemanduan pesawat.

Dr Mahathir berkata penguasaan ilmu penerbangan amat perlu dalam menentukan kejayaan sesuatu bangsa.

"Ini kerana mereka yang sudah biasa dengan budaya kerja yang tinggi dalam bidang penerbangan sudah tentu boleh mengamalkan budaya kerja itu dalam bidang-bidang yang lain," katanya.

Sebanyak 74 pesawat ringan terdiri daripada pesawat bersayap tetap, helikopter dan "glider" serta 100 juruterbang mengambil bahagian dalam karnival tiga hari itu, bermula hari ini.

Turut mengambil bahagian adalah dua pesawat buatan tempatan, MD3-160 yang juga dikenali sebagai Aerotiga dan Eagle Aircraft.

Di samping pertunjukan arobatik oleh pesawat ringan, pesawat TUDM seperti MiG-29, F18 dan Hornet turut mempamerkan pertunjukan udara taktikal.

-- BERNAMA

JM RON